

Elak isu perkauman: Najib

Mahasiswa diingat jangan timbul sentimen mudaratkan kesejahteraan negara

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Penuntut universiti mesti mengelak daripada menimbulkan isu perkauman sama ada di dalam atau luar kampus kerana ia hanya memudaratkan, kesejahteraan negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Kita tidak hendak melihat isu perkauman menular di universiti kita atau di mana-mana. Ini termasuk dalam pilihan raya kampus yang akan diadakan tidak lama lagi," katanya.

Peringatan itu dibuat Najib ketika merasmikan mesyuarat mempengerusikan mesyuarat Majlis Perundi-

ngan Pelajar-Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang kedua di sini semalam.

Beberapa insiden di universiti tempatan baru-baru ini yang didakwa didorong sentimen perkauman.

"Aktiviti yang memupuk perpadu-

"Kita tidak hendak melihat isu perkauman menular di universiti kita atau di mana-mana"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

an perlu diperbanyakkan," katanya kepada pentadbiran universiti.

Najib juga menyarankan penuntut universiti, terutama pemimpin pelajar menghayati Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) supaya mengetahui rancangan kerajaan untuk pembangunan negara.

"Jika tahu apa itu RMK-9, kita sebagai penuntut dan pemimpin pelajar boleh memainkan peranan lebih besar dan berkesan dalam pembangunan negara," katanya.

Najib berkata, penghayatan terhadap kandungan RMK-9 dapat memberi panduan kepada pelajar universiti mengenai usaha kerajaan membangunkan negara dan rakyat ke-

seluruhannya.

"Sebagai contoh, pembangunan modal insan yang ditekankan kerajaan. Kita akan tahu apa yang diperlukan untuk membentuk modal insan yang betul," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga menyentuh isu pengangguran memabitkan graduan dengan menegaskan kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah mengurangkan jumlah pengangguran itu.

"Masalah ini akan dapat diselesaikan sedikit sebanyak awal tahun depan," katanya sambil menyatakan inisiatif mengatasi masalah ini seperti pehgambilan lebih ramai pegawai sektor awam dan guru.

"Graduan perlu berdikari atau bekerja sendiri. Saya harap graduan baru memikirkan kemungkinan bekerja sendiri," kata Najib.

Sementara itu, pada sidang akhbar, Najib berkata, MPPK meminta kerajaan tidak memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang mampu menjaga kepentingan mahasiswa.

Najib berkata, MPPK mahu AUKU dipertahan dan menyokong sebarang penambahbaikan kepada akta itu.

Mengenai usaha menarik pelajar asing ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTs), beliau berkata, kerajaan akan menyemak semula peraturan visa memabitkan pelajar itu.